



Faculty of Education and Social Sciences
IUM

Leading the World



ICLET 2023

5TH ICLET 2023

THE INTERNATIONAL CONFERENCE OF LANGUAGES, EDUCATION AND
TOURISM 2023

PROGRAMME BOOK

THEME: Diversity and Transformation in Language, Education and
Tourism Towards a Sustainable Society

7TH - 9TH AUGUST 2023

IN COLLABORATION WITH

KULLIYAH OF LANGUAGES AND
MANAGEMENT (KLM), IUM



KULLIYAH OF EDUCATION
(KOED), IUM

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT
ISTIADAT MELAYU PERLIS
(MAIPS)

CENTRE FOR LANGUAGES AND
PRE-UNIVERSITY ACADEMIC
DEVELOPMENT (CELPAD), IUM



**CONFERENCE
PROGRAMME**

Parallel Session 2
7th August 2023
Start at 11:00 am (Malaysia Local Time)
IIUM Pagoh Campus Muar, Johor

Seminar Room	Queue ID	Abstract ID	Authors	Title
1	1	Edu/Malay/I D:70	Pavitira Nagaraju Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam	Penilaian Keberkesanan Terhadap Penggunaan Konsep Mi Semasa Pengkategorian Golongan Kata Dalam Kalangan Murid
	2	Edu/Malay/I D:75	Dr.Noor Azmira Mohamed, Mr Chang Yi Chang	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Program Kelas Tambahan Bahasa Melayu Oleh Pensyarah-Pensyarah Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) Dalam Usaha Memperkukuhkan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Cina Tahun Tiga Dan Empat Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Jeram, Kampar, Perak: Satu Kajian Kes
	3	Edu/Malay/I D:31	Chew Fong Peng Hidayathtul Najihah Zaidi	Sikap Dan Strategi Guru Dalam Pengajaran Tatabahasa Bahasa Melayu
	4	Edu/Malay/I D:69	Mohd Hafiszudin bin Mohd Amin, Nor Fatin Adlina Mohd Salleh, Wahiza Wahi	Kaedah Pembelajaran Teradun Untuk Mempelajari Kemahiran Pembentangan Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Ingeris Sebagai Bahasa Kedua
	5	Edu/Malay/I D:98	Ismail Bin Pidolis Nora Azian Binti Nahar	Impak Elemen Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Terhadap Kemahiran Komunikasi Pelajar Program Bahasa Melayu Untuk Komunikasi Antarabangsa Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
	6	Edu/Malay/I D:67	Saripah Selamat Kamariah Abu Bakar	Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Potensi Kad Imbas Sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) Yang Digunakan Oleh Guru
2	1	Edu/English/ ID:107	Yee Chin Yip, Nurhasma Muhammad Saad, Nurul Ain Chua	Development And Validation Of Technology Acceptance Model (Tam) For University Mandarin Learners Using Exploratory And Confirmatory Factor Analysis
	2	Edu/English/ ID:36	Aspawati Binti Haji Basri, Mohd Zaki Bin Ishak, Mohamad Ibni Bin Rusdam	Implications Of Learning And Facilitation Of Mathematics Word Problem Solving Using The Bar Model Drawing Among Year Five Pupils At Tuaran, Sabah
	3	Edu/English/ ID:120	Saira Riaz	Middle Leaders And Trust: A Mixed Method Study Of Two Private Secondary Schools In Islamabad In

3	1	Lan/Malay/I D:111	Nadia Shuhada Abdan Nasir Vijayaletchumy Subramaniam	Corak Bacaan Suku Kata Murid Disleksia
	2	Lan/Malay/I D:94	Nazirul Azri Bin Mohd Hirol Rizal	Analisis Kata Kerja 'Makan' Dalam Dialek Pulau Pinang
	3	Lan/Malay/I D:95	Nur Shuhadah Mohd Khairi, Nora'Azian Nahar	Implikatur Perbualan Berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) Dalam Iklan Raya 2023
	4	Lan/Malay/I D:96	Farah Aina Azhar Nora Azian Nahar	Analisis Kesantunan Berbahasa Dalam Filem Hantu Kak Limah
	5	Lan/Malay/I D:99	Mohd Faisal Bin Zulkifli Nora Azian Binti Nahar	Analisis Kesalahan Tatabahasa: Penelitian Terhadap Penterjemahan Daripada Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu Melalui Platform 'Google Translate'
	6	Lan/Malay/I D:125	Amirra Shazreena Vijayaletchumy Subramaniam	Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Dalam Pembinaan Inovasi Imbuhan Pembelajaran Abad Ke-21
	7	Lan/Malay/I D:148	Arina Johari, Akhmal Hakim Mohamad, Nurul Jamilah Rosly, Julaina Nopiah	Strategi Kesantunan Dalam Filem Melayu Klasik Damaq
	8	Lan/Malay/I D:149	Arina Johari, Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Nurul Hanilah Mohd. Ismath, Azean Idruwani Idrus, Siti Yuliandi Ahmad	Kepintaran Budaya: Interaksi Silang Bahasa Dan Budaya Dalam Kalangan Pelajar Iium



**LIST OF
PAPERS**

KERTAS PERSIDANGAN BAHASA MELAYU (ABSTRAK)

SUB-THEME: LANGUAGE		
Abstract ID	Authors	Title
Lan/Malay/I D:72	Mohamad Suhaizi Suhaimi, Muhammad Hariz Imran Mohamad Azlan	Lagu Tradisional Dalam Sewang Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun: Analisis Teori Relativiti Linguistik
Lan/Malay/I D:74	Usha Nagasundram; Vijayaletchumy Subramaniam	Modul Arif Huruf Kecil Dan Besar Dalam Kata Nama Am Dan Khas Dalam Kalangan Murid Sjk(T)
Lan/Malay/I D:115	Aminnudin	Pemilihan Unsur Kepimpinan Dalam Peribahasa: Kajian Dari Sudut Ekolinguistik
Lan/Malay/I D:102	Sara Beden	Daya Ilokusi Bach & Harnish (1979) Dalam Teks Prosa Klasik
Lan/Malay/I D:56	Mazlina Baharudin	Penulisan Karangan Pelajar Asing: Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu
Lan/Malay/I D:89	Halimah Pondo And Elsa Putri Ermisah Syafri	Kosmologi Segitiga Di Alam Melayu
Lan/Malay/I D:146	Julaina binti Nopiah, Arina binti Johari, Nurul Jamilah binti Rosly, Azean Idruwani binti Idrus	Elemen Kasih Sayang Dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif
Lan/Malay/I D:111	Nadia Shuhada Abdan Nasir Vijayaletchumy Subramaniam	Corak Bacaan Suku Kata Murid Disleksia
Lan/Malay/I D:94	Nazirul Azri Bin Mohd Hirol Rizal	Analisis Kata Kerja 'Makan' Dalam Dialek Pulau Pinang
Lan/Malay/I D:95	Nur Shuhadah Mohd Khairi, Nora'Azian Nahar	Implikatur Perbualan Berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) Dalam Iklan Raya 2023
Lan/Malay/I D:96	Farah Aina Azhar Nora Azian Nahar	Analisis Kesantunan Berbahasa Dalam Filem Hantu Kak Limah
Lan/Malay/I D:99	Mohd Faisal Bin Zulkifli Nora Azian Binti Nahar	Analisis Kesalahan Tatabahasa: Penelitian Terhadap Penterjemahan Daripada Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu Melalui Platform 'Google Translate'
Lan/Malay/I D:125	Amirra Shazreena Vijayaletchumy Subramaniam	Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Dalam Pembinaan Inovasi Imbuhan Pembelajaran Abad Ke-21
Lan/Malay/I D:148	Arina Johari, Akhmal Hakim Mohamad, Nurul Jamilah Rosly, Julaina Nopiah	Strategi Kesantunan Dalam Filem Melayu Klasik Damaq
Lan/Malay/I D:149	Arina Johari, Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Nurul Hanilah Mohd. Ismath, Azean Idruwani Idrus, Siti Yuliandi Ahmad	Kepintaran Budaya: Interaksi Silang Bahasa Dan Budaya Dalam Kalangan Pelajar Iium
Lan/Malay/I D:129	Halimah binti Pondo, Azean Idruwani binti Idrus, Nurul Jamilah binti Rosly, Aminnuddin bin Saimon	Norma Interaksi Dan Penafsiran Genre Teks Perbahasan (Dun) Sarawak
Lan/Malay/I D:138	Nurdiyana Noordin, Azean Idruwani Binti Idrus	Analisis Stilistik Dalam Himpunan Puisi Najmi Fetih
Lan/Malay/I D:122	Amirra Normania Chan Sudirman Julaina Nopiah	Refleksi Kuasa Dalam Peribahasa Melayu



ABSTRACTS

Lan/Malay/ID:149

Komponen Kepintaran Budaya: Komunikasi Pelajar IIUM dan TUFS, Jepun dalam kelas Kolaborasi Pembelajaran Bahasa Secara Atas Talian

Arina Johari, Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Nurul Hanilah Mohd. Ismath, Azean Idruwani Idrus, Siti Yuliandi Ahmad

Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia

Emel: arinajr@iium.edu.my

Kajian ini berfokus pada pembelajaran bahasa dan budaya Melayu di antara pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Bahasa Asing Tokyo (TUFS), Jepun. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti amalan kesantunan dalam kelas pembelajaran bahasa Melayu secara atas talian oleh pelajar UIAM dan TUFS, Jepun dan menganalisis hubung kait antara aplikasi ciri kesantunan dengan komponen kepintaran budaya. Dua landasan teori akan diaplikasikan ke dalam data kajian, iaitu Model Kesantunan Tiga Tokoh (MKTT) oleh Arina (2018) dan Ciri Kepintaran Budaya oleh Thomas dan Inkson (2004). Data diperoleh daripada ujaran 89 orang pelajar (80 orang pelajar UIAM dan 9 orang pelajar Jepun) yang terlibat dalam pembelajaran bahasa atas talian menggunakan aplikasi Padlet.com. Dapatan memperlihatkan kesemua pelajar, iaitu responden UIAM dan Jepun mengaplikasikan ciri kesantunan dalam MKTT ketika berkomunikasi dalam sesi pengenalan kelas untuk membina hubungan yang mesra, mencapai matlamat diskusi dan mewujudkan situasi bebas konflik. Ciri kesantunan ini didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan dua komponen dalam Kepintaran Budaya, iaitu (i). pengetahuan dan (ii). kesedaran. Kasus ini membuktikan keupayaan pelajar untuk berfungsi dengan berkesan dalam konteks kepelbagaian budaya. Selain itu, ia turut membuktikan bahawa kesantunan yang bersifat universal berupaya menjadi elemen motivasi yang signifikan dalam meningkatkan kepintaran budaya seseorang tanpa mengira bangsa, agama dan budaya; malah masih relevan amalannya walaupun dalam konteks komunikasi atas talian; tanpa sua muka sebegini.

Kata kunci: Kepintaran budaya, komunikasi atas talian, kolaborasi pembelajaran bahasa secara atas talian, dan Kesantunan berbahasa

KOMPONEN KEPINTARAN BUDAYA DAN KESANTUNAN BERBAHASA PELAJAR IUM DAN TUFS, JEPUN DALAM KELAS PEMBELAJARAN KOLABORASI BAHASA SECARA ATAS TALIAN



Dr Arina Johari
Dr. Nor Zainiyah Norita Mokhtar
Dr. Nurul Hanilah Mohd. Ismath
Dr. Azean Idruwani Idrus
Dr. Siti Yuliandi Ahmad

Pengenalan

Kajian ini dilakukan melibatkan analisis komponen kepintaran budaya dan kesantunan berbahasa dalam interaksi yang berlaku dalam kelas pembelajaran kolaborasi bahasa Melayu secara atas talian oleh pelajar tahun dua pengajian Bahasa Melayu Untuk Komunikasi Antarabangsa yang mengambil kursus BMCO 2101 Komunikasi Antara Budaya dengan pelajar dari Jepun yang sedang mengambil kelas Bahasa Melayu selama dua tahun di Universiti Bahasa Asing Tokyo (TUFS).

Latar Belakang Kajian

- Dalam konteks pembelajaran kolaborasi secara atas talian, beberapa kajian yang dilakukan oleh Hiltz & Turoff, 2002; Turoff et.al, 2004; mendapati bahawa pembelajaran kolaborasi atas talian bersifat proaktif, aktif, malah lebih efektif berbanding kelas secara fizikal (sua muka).
- Dari perspektif kolaborasi pembelajaran silang budaya, ia menggalakkan pembinaan pengetahuan melalui interaksi, pengukuhan bersama, penglibatan dan rundingan rakan sebaya serta pengajar dalam kelas atas talian (Baker & Taylor, 2010; Kearney, 2004; Powell & Kalina, 2009; Schreiber & Valle, 2013).
- Namun begitu, sama ada pembelajaran kolaborasi ini berlaku secara atas talian ataupun fizikal, aspek komunikasi yang santun tidak dapat dipisahkan untuk memastikan suasana harmoni dapat wujud bagi memastikan matlamat pengajaran dan pembelajaran (P&P) tercapai.

Objektif



Mengenal pasti amalan kesantunan dalam kelas pembelajaran bahasa Melayu secara atas talian oleh pelajar UIAM dan TUFS, Jepun

Menganalisis hubungan kait antara aplikasi ciri kesantunan dengan komponen kepintaran budaya

Metodologi Kajian

- Dua landasan teori akan diaplikasikan ke dalam data kajian, iaitu Model Kesantunan Tiga Tokoh (MKTT) oleh Arina (2018) dan Ciri Kepintaran Budaya oleh Thomas dan Inkson (2004).
- Data diperoleh daripada ujaran 89 orang pelajar (80 orang pelajar UIAM dan 9 orang pelajar Jepun) yang terlibat dalam pembelajaran bahasa atas talian menggunakan aplikasi *Padlet.com*.
- Proses analisis data dilakukan melalui 3 langkah, iaitu
 - i). Transkripsi,
 - ii). meneliti jawapan responden;
 - iii). pengklasifikasian tema dan komponen kepintaran budaya;
 - iv). Pentafsiran;
 - v). penjadualan dan peratusan

Dapatan Kajian

Dapatan analisis dibincangkan dengan menghuraikan maklumat yang diperoleh melalui jawapan responden dalam borang pengenalan diri, iaitu berkisar tentang latar belakang responden yang mencakupi i). nama penuh & jantina, ii). karektor diri, iii). pengalaman pernah melawat ke Malaysia, iv). apa yang mereka suka tentang Malaysia, dan v). harapan terhadap pembelajaran dalam kelas.

Jadual 1: Maklumat Responden dari TUFSS, Jepun

Bil	Nama	Jantina	Umur	Pengalaman datang/Tempoh berada di Malaysia
1	PJ1	Perempuan	23	1 kali / dua minggu
2	PJ2	Perempuan	23	3 kali / 9 minggu
3	PJ3	Perempuan	23	1 kali / tiga minggu
4	PJ4	Lelaki	24	3 kali / 6 minggu
5	PJ5	Lelaki	24	1 kali / dua minggu
6	PJ6	Perempuan	25	Pernah tinggal / sembilan tahun
7	PJ7	Perempuan	23	1 kali / dua minggu
8	PJ8	Perempuan	23	1 kali / dua minggu
9	PJ9	Lelaki	25	Pernah tinggal/ setahun
TOTAL	9	6P, 3L		

Berdasarkan Jadual 1 di atas, responden Jepun yang terdiri daripada 9 orang pelajar, terdiri daripada enam perempuan dan tiga lelaki berusia sekitar 23 hingga 25 tahun; kesemuanya mempunyai pengalaman berada di Malaysia sama ada sebagai pelawat/pelancong minimum sekali (PJ1, PJ3, PJ5, PJ7 dan PJ8), tiga kali (PJ2 dan PJ4) manakala dua orang lagi berpengalaman menetap lama di Malaysia, iaitu setahun dan sembilan tahun masing-masingnya (PJ6 dan PJ9). Ini memberikan kelebihan kepada mereka untuk berinteraksi dengan pelajar tempatan ketika proses perbincangan di dalam kelas.

Analisis selanjutnya memperlihatkan dapatan analisis komponen kepintaran budaya dalam komunikasi silang budaya yang berlaku di dalam kelas atas talian yang terbahagi kepada tiga sesi, iaitu i). sesi pengenalan, ii) sesi perbincangan, dan iii) sesi akhir/penamat. Huraian selanjutnya hanya memaparkan sesi pengenalan sahaja untuk memperlihatkan dapatan analisis seperti mana dalam Jadual 2 di bawah.

Dapatan Kajian

Jadual 2: Komponen Kepintaran Budaya dan Kesantunan Berbahasa dalam Sesi Pengenalan

Jenis/ Pelajar	Ucap Selamat Secara Formal			Secara Kurang/Tidak Formal			Total (%)
	Ucap Selamat Islami	Berkaitan Masa	Bentuk Biasa	Ucap "Selamat"	Versi Inggeris (Hi; Hi;X)	Tiada Ucap Selamat	
Melayu	0	5	48	12	15	0	80
Jepun	4	2	0	1	2	0	9
TOTAL (%)	4	7	48	13	17	0	89 (100)

Jadual 2 menunjukkan dalam sesi pengenalan, komunikasi responden terbahagi kepada dua situasi, iaitu Ucapan Selamat Secara Formal dan Secara Kurang/Tidak Formal. Ucapan Selamat Secara Formal terbahagi kepada tiga situasi, iaitu i). Ucapan Selamat Islami diaplikasi oleh 4 responden Jepun; ii). Berkaitan masa - 5 responden Melayu, 2 Jepun dengan total 7 responden; iii). Bentuk Biasa diwakili 48 responden Melayu sahaja. Ucapan Selamat Kurang/Tidak formal juga terbahagi kepada tiga situasi, i). Ucapan "Selamat" yang diwakili 12 responden Melayu, 1 responden Jepun dengan total 13 responden; ii). Versi Inggeris -Hi;Hi;X diaplikasi sebanyak 15 responden Melayu, 2 responden Jepun dengan total 17 responden; iii) Tiada ucapan selamat pula langsung tidak diaplikasi oleh mana-mana responden.

Analisis keseluruhan menunjukkan responden Melayu lebih cenderung menggunakan ucapan selamat bentuk biasa untuk menimbulkan kemesraan di peringkat awal perkenalan dengan 48 kekerapan manakala responden Jepun didapati cenderung menggunakan ucapan salam yang Islami bertujuan menyantuni rakan Melayu mereka dengan kekerapan sebanyak 3. Kasus ini memperlihatkan adanya usaha di antara kedua-dua pihak untuk saling menyantuni dan mewujudkan keakraban di peringkat awal perkenalan.

Dapatan Kajian

Jadual 3: Contoh Ujaran Santun Responden (Sesi Pengenalan) dan Perkaitan dengan Komponen Kepintaran Budaya

Jenis Ucap Selamat		Contoh Ujaran	MKTT	Komponen Kepintaran Budaya
Ucap Selamat Formal	Ucap Selamat Islami	<i>Assalamualaikum. Nama saya... Saya pelajar Tahun dua...</i>	RPS	Pengetahuan / Kesedaran
	Berkaitan Masa	<i>Selamat pagi/ Selamat Tengahari Selamat Petang. Nama saya.... Saya pelajar Tahun dua...</i>	Per.	Pengetahuan
	Bentuk Biasa	<i>Selamat sejahtera. Nama saya... Saya pelajar Tahun empat...</i>	Per.	Pengetahuan
Kurang/ Tidak Formal	Ucap "Selamat"	<i>Hello, Konichiwa. Nama saya... Saya pelajar Tahun dua...</i>	PKS	Pengetahuan
	Versi Inggeris	<i>Hi, nama saya... Saya pelajar Tahun dua...</i>	PKS	Pengetahuan
	Tiada Ucap Selamat	NA	NA	NA

Berdasarkan Jadual 3 di atas, responden Jepun menggunakan bentuk ucapan selamat yang Islami melalui penggunaan kata "Assalamualaikum" diikuti pengenalan nama kepada responden Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa responden Jepun telah mempelajari bentuk-bentuk ucapan selamat yang sesuai digunakan terhadap responden Melayu yang beragama Islam ketika sesi pengenalan. Ini menunjukkan kepada pengaplikasian ciri RPS dalam MKTT, responden Jepun cuba mewujudkan hubungan mesra dengan rakan mereka. Namun begitu, mereka tidak menyedari bahawa ucapan salam yang Islami telah bermaksud doa dan hanya digunakan oleh muslim kepada muslim. Hal ini terbukti apabila tiada mana-mana responden Melayu yang menggunakan jenis ucapan selamat Islami kepada responden Jepun

semasa sesi pengenalan. Kasus ini sekali gus memperlihatkan perkaitan dengan dua komponen dalam Kepintaran Budaya, iaitu Pengetahuan dan Kesedaran; pengetahuan yang ada pada responder tentang sesuatu ungkapan/bahasa dalam masyarakat betul memadai untuk dikatakan cekap dalam aspek penggunaannya. Dalam hal ini, responden Jepun perlu meningkatkan pembacaan dan pengalaman supaya dapat meningkatkan komponen kesedaran supaya dapat menggunakan ungkapan berbahasa Melayu dalam konteks yang betul dan tepat. Jeannin (2013) seperti yang dipetik dalam Faizah (2021) mengatakan bahawa kepelbagaian budaya boleh meningkatkan kesedaran budaya dengan meluaskan pengetahuan seseorang tentang budaya lain selain meningkatkan hubungan dengan orang lain.

Bagi responden Melayu pula, didapati lebih cenderung menggunakan Ucapan Selamat bentuk biasa seperti "Selamat sejahtera..." untuk memperkenalkan diri mereka kepada rakan yang lain, iaitu sebanyak 48 kekerapan, manakala sebanyak 27 kekerapan menggunakan Ucapan "selamat" dan Versi Inggeris, iaitu "hello/konnichiwa" dan "hi". Penggunaan ucapan ini tercakup ke dalam ciri PKS, apabila pelajar menyedari peranan (P) dan Kuasa (K) yang perlu dilaksanakan dalam konteks sesi pengenalan tersebut. S atau Status Sosial pula dikenal pasti melalui ungkapan

sebagainya. Ciri ini membuktikan bahawa responden Melayu menyedari keperluan untuk menyantuni rakan sekelas mereka dan dalam masa yang sama memperlihatkan perkaitan dengan komponen kepintaran budaya yang pertama, iaitu Pengetahuan. Dalam hal ini, pelajar Melayu didapati menggunakan bentuk ucapan "Konnichiwa" dalam bahasa Jepun, dalam usaha menggemblirakan hati rakan sekelas dan mewujudkan hubungan yang mesra. Berbanding situasi responden Jepun yang mengucapkan "Assalamualaikum" kepada rakan muslim mereka seperti yang dijelaskan di atas, kasus ini lebih memperlihatkan kecekapan budaya yang tinggi oleh responden Melayu.

Kesimpulan

Kepelbagaian bentuk ucapan selamat semasa sesi pengenalan dalam kelas pembelajaran kolaboratif bahasa ini menunjukkan bahawa responden atau pelajar yang terlibat sentiasa sedar tentang keperluan untuk menyantuni di antara satu sama lain sepanjang sesi berlangsung. Ini juga membuktikan bahawa mereka berusaha keras untuk mewujudkan persekitaran yang mesra dan saksama di peringkat awal pengenalan kelas. Kesedaran dan pemahaman mengucapkan salam tercakup ke dalam perilaku yang saling menyantuni dan praktisnya berkait dengan peningkatan budaya seseorang terhadap budaya orang lain. Ini kerana apabila seseorang mengucapkan selamat kepada rakan yang berlainan budaya, ia secara tidak langsung mengajar seseorang supaya menggunakan konteks budaya asal dalam masyarakat tersebut untuk mencapai keberkesanan komunikasi dan mengelakkan konflik. Hal ini turut dibahaskan oleh Corral-Chandler (2014) seperti yang dipetik dalam Faizah (2021) yang menyokong bahawa persekitaran pendidikan yang pelbagai budaya membolehkan pelajar bergaul dan memperoleh pengetahuan tentang budaya orang lain.

Sekian, Jazakallahu khair.

